



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
03-88803782

Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 38 Jld. 5

Tarikh : Ogos 2012

13

Semua YA Hakim
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua YA Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Majistret Kanan / Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar Kanan / Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

YA Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 2 TAHUN 2012
(KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2010 & KANUN TATACARA JENAYAH
(PINDAAN) 2010 (PINDAAN) 2012

Selaras dengan pindaan Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang dibuat pada tahun 2010 dan 2012, saya telah diarahkan oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan YA Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan supaya mengambil maklum akan beberapa perkara yang berbangkit daripada pindaan tersebut. Perkara-perkara tersebut adalah sepertimana berikut :

Di dalam Arahan Amalan ini mana-mana perkataan "Hakim" adalah merujuk kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret.

...2/-

A) Rundingan Pra-Perbicaraan

- 1) Kes-kes yang didaftarkan pada atau selepas 1 Jun 2012 hendaklah melalui proses rundingan pra-perbicaraan di bawah seksyen 172A KTJ. Bagi kes-kes yang didaftarkan sebelum 1 Jun 2012 dan perbicaraan masih belum bermula, Mahkamah masih boleh membenarkan rundingan pra-perbicaraan dijalankan jika ada permohonan. Walau bagaimanapun permohonan untuk mengadakan rundingan pra-perbicaraan tersebut tidaklah boleh dijadikan alasan bagi penangguhan perbicaraan jika suatu tarikh perbicaraan telah ditetapkan.
- 2) Memandangkan pihak Mahkamah tidak terlibat di dalam rundingan tersebut, Mahkamah perlulah mendapatkan maklumat mengenai tarikh rundingan pra-perbicaraan daripada pihak pendakwaan atau pembelaan bagi membolehkan penetapan tarikh pengurusan kes kelak.
- 3) Untuk tujuan rundingan pra-perbicaraan, Mahkamah tidak akan mengeluarkan perintah *Order to Produce (OTP)* bagi orang kena tuduh (OKT) yang berada dalam reman.

B) Pengurusan Kes

- 1) Mahkamah hendaklah menetapkan tarikh pengurusan kes dalam tempoh 60 hari dari tarikh OKT dituduh dan minta dibicarakan.
- 2) Hakim hendaklah menjalankan sendiri sesi pengurusan kes sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 172B (1) KTJ. Pengurusan kes hendaklah diadakan di mahkamah terbuka dengan kehadiran pihak pendakwaan, OKT dan peguambela jika OKT diwakili.
- 3) Bagi sesi pengurusan kes pertama yang mana OKT tidak diwakili, Hakim adalah dinasihatkan untuk mematuhi peruntukan perenggan 172B (2)(iii) KTJ terlebih dahulu iaitu dalam hal membantu OKT mendapatkan khidmat peguam, termasuklah memaklumkan kepada OKT mengenai khidmat peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) sebelum melaksanakan tugas di bawah perenggan 172 b(ii).
- 4) Tiada had bilangan penetapan pengurusan kes bagi sesuatu kes. Namun begitu Hakim hendaklah mengadakan pengurusan kes yang terakhir dua (2) minggu sebelum tarikh bicara.
- 5) Bagi kes-kes yang tidak dapat ditetapkan tarikh bicara atas alasan pengurusan kes masih belum selesai, Hakim boleh menggunakan budibicara kehakiman masing-masing untuk membuat sebarang arahan yang munasabah bagi membolehkan tarikh bicara dalam tempoh 90 hari ditetapkan sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 172B (4) KTJ.

- 6) Bagi tujuan penyeragaman dan memenuhi kehendak peruntukan di bawah subseksyen 172B (6) KTJ, Mahkamah bolehlah menyerahkan Borang sepertimana di **Lampiran A** untuk kegunaan pihak-pihak.

C) Rundingan Akuan

- 1) Terdapat dua jenis rundingan akuan iaitu :
 - (a) rundingan akuan berkaitan pertuduhan dan
 - (b) rundingan akuan berkaitan hukuman.
- 2) Rundingan akuan boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu rundingan akuan ketika rundingan pra-perbicaraan (perenggan 172A (4)(f) dan perenggan 172B (2)(i) KTJ) dan rundingan akuan yang dibuat oleh OKT melalui Borang 28A pada bila-bila masa sebelum perbicaraan bermula (seksyen 172C KTJ).
- 3) Dalam kedua-dua keadaan tersebut, Mahkamah hanya berperanan untuk menentukan rundingan akuan tersebut dibuat secara sukarela.
- 4) Bagi rundingan akuan semasa rundingan pra-perbicaraan yang dinyatakan di bawah perenggan 172B (2)(i) KTJ yang merujuk kepada tatacara rundingan akuan di bawah seksyen 172C KTJ, hanya tatacara berkaitan dengan penentuan sesuatu rundingan akuan dibuat secara sukarela di bawah seksyen 172C sahaja yang terpakai.
- 5) Bagi rundingan akuan yang dibuat melalui permohonan menggunakan Borang 28A, Mahkamah hendaklah menetapkan satu tarikh pendengaran. Bagi tujuan penyeragaman, penetapan tarikh dibuat dengan menggunakan Borang sepertimana di **Lampiran B**.
- 6) Jika Mahkamah mendapati rundingan akuan tersebut dibuat secara sukarela dan pihak OKT serta pihak pendakwaan telah mencapai persetujuan untuk pelupusan kes yang memuaskan, satu Borang Pelupusan Kes Yang Memuaskan (subseksyen 172C (7) KTJ) hendaklah ditandatangani oleh semua pihak termasuk Mahkamah. Bagi tujuan penyeragaman, Borang Pelupusan Kes Yang Memuaskan-adalah sepertimana di **Lampiran C**.
- 7) Apabila Mahkamah mendapati tiada pelupusan kes yang memuaskan dicapai di antara OKT dan pendakwaan [subseksyen 172C (8) KTJ], Mahkamah hendaklah merekodkan pemerhatian yang dibuat dan kes tersebut hendaklah ditetapkan untuk bicara di hadapan Hakim yang lain. Sebelum tarikh bicara ditetapkan, satu tarikh sebutan hendaklah ditetapkan. Dalam tempoh tersebut, Mahkamah berkenaan hendaklah menghantar maklumat/status mengenai kes tersebut kepada Hakim Besar Malaya/Hakim Besar Sabah dan Sarawak (bagi kes Mahkamah Tinggi) atau Pengarah Mahkamah Negeri masing-masing (bagi kes Mahkamah Rendah) untuk mendapatkan arahan penggantian Hakim. Bagi tujuan

penyeragaman, maklumat / status kes hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang di **Lampiran D** melalui emel / faks dan disimpan dalam fail mahkamah.

D) Panduan Hukuman Bagi Rundingan Akuan

- 1) Jika OKT mengaku salah sebelum perbicaraan atas tuduhan asal, cadangan hukuman adalah seperti berikut :

Hukuman	Hukuman Rundingan Akuan tidak melebihi	Cadangan Hukuman
a. 30 tahun	15 tahun	10-15 tahun
b. 20 tahun	10 tahun	7-10 tahun
c. 14/15 tahun	7 / 7 ½ tahun	5-7,5-7 ½ tahun
d.	Di mana hukuman penjara tidak mandatori dan hukuman yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi 10 tahun, tempoh yang boleh dicadangkan adalah daripada satu hari hingga separuh daripada tempoh hukuman yang boleh dikenakan.	
e.	Di mana hukuman penjara adalah mandatori, hukuman yang hendak dicadangkan adalah tidak melebihi separuh daripada tempoh hukuman yang boleh dikenakan.	
f.	Di mana hukuman penjara mandatori minimum dan hukuman denda maksimum diperuntukkan, hukuman yang hendak dicadangkan adalah penjara antara minimum hingga separuh daripada hukuman maksimum dan satu per empat (¼) hingga separuh (½) daripada hukuman denda maksimum atau jumlah denda yang boleh dikenakan ditetapkan atas persetujuan kedua-dua pihak.	
g.	Tertakluk kepada peruntukan seksyen 172D(1)(a), (b) dan (c) KTJ, di mana hukuman penjara dan denda adalah tidak mandatori dan tiada tempoh minimum penjara dan tiada denda maksimum/minimum diperuntukkan, kedua-dua pihak boleh bersetuju berkenaan hukuman yang boleh dikenakan.	
h.	Di mana hukuman penjara tidak mandatori tetapi denda minimum dan maksimum diperuntukkan, hukuman yang dicadangkan ialah denda di antara minimum hingga separuh.	

2. Walau apapun cadangan hukuman di atas, mahkamah masih mempunyai budibicara untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal selaras dengan prinsip - prinsip penghukuman yang ada.

E) Pengakuan Bersalah Okt Semasa Perbicaraan

1. Apabila OKT mengaku salah pada mana-mana peringkat selepas perbicaraan bermula, peruntukan s.172G KTJ tidak terpakai.

F) Proviso di bawah perenggan 173 (m) KTJ


1. Mahkamah hendaklah mengambil kira kenyataan mengenai impak kesalahan ke atas mangsa sekiranya terdapat permohonan daripada mangsa atau keluarga mangsa sebelum menjatuhkan hukuman. Tiada sebarang penangguhan kes boleh di berikan hanya di atas alasan ketiadaan pernyataan secara lisan atau bertulis mangsa atau keluarga mangsa.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai serta merta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(**DATUK HASHIM BIN HAMZAH**)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Pendakwaan
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

Pengarah Mahkamah Negeri
SELURUH MALAYSIA

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 2, 58 Jalan Pantai
Hainan Association Building
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi
The Advocates' Association of Sarawak
The Bar Room, Kompleks Mahkamah
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK

**FAKTA-FAKTA YANG DIPERSETUJUI
(Seksyen 172A(5) dan 172B(6) Kanun Tatacara Jenayah)**

Bahawasanya pihak Pendakwaan __ (Nama Pegawai Pendakwa __) dan OKT __ (Nama OKT) __ yang diwakili oleh peguam __ (Nama dan firma peguam) __ di dalam kes __ (No Kes) __ di Mahkamah __ (Nyatakan tempat) __ adalah dengan ini mengakui bahawa fakta-fakta yang akan dinyatakan di bawah ini adalah fakta-fakta yang dipersetujui dan boleh diterima sebagai keterangan di dalam perbicaraan terhadap OKT tanpa perlu sebarang pembuktian. Fakta-fakta tersebut adalah sepertimana berikut:

Fakta-Fakta Yang Dipersetujui :

- 1.
- 2.
- 3.

Ditandatangani oleh:

-t.t-

-t.t-

-t.t-

Timbalan Pendakwa Raya

Peguam OKT & Nama Firma

Orang Kena Tuduh

LAMPIRAN B

Kepada:

Tarikh:

Orang Kena Tuduh (Pemohon)

No. Kes:

.....

Peguambela OKT dan Nama Firma

.....

Timbalan Pendakwa Raya

**NOTIS PENDENGARAN PERMOHONAN RUNDINGAN AKUAN
(Seksyen 172C(3) Kanun Tatacara Jenayah)**

Bahawasanya pada ___(tarikh permohonan Borang 28A)___ Orang Kena Tuduh/Pemohon __ (nama OKT)___ di dalam kes ___(no kes)___ di hadapan _____(nama Hakim___ di Mahkamah _____(tempat)___ telah membuat suatu permohonan di bawah subseksyen 172C (2) untuk membuat satu rundingan akuan.

Mahkamah dengan ini menetapkan pada ___ hb_____ tahun _____ jam _____ pagi/petang bagi pendengaran permohonan tersebut.

Semua pihak dikehendaki hadir bagi pendengaran permohonan tersebut.

Ditandatangani di bawah ini dan meterai Mahkamah pada _____ haribulan_____ tahun_____

(Meterai)

.....
(Hakim/Majistret/Pendaftar)

LAMPIRAN C

PELUPUSAN KES YANG MEMUASKAN

Bahawasanya pada ___(tarikh pelupusan kes dicapai)___ Orang Kena Tuduh ___(nama OKT)___ di dalam kes ___(no kes)___ dengan persetujuan pihak pendakwaan___(Nama Timbalan Pendakwaraya)___ di Mahkamah ___(tempat)___ telah mencapai satu pelupusan kes yang memuaskan berdasarkan peruntukan subseksyen 172C (7). Pihak-pihak dengan ini bersetuju dengan kenyataan berikut:

BAHAWASANYA;

Satu rundingan akuan telah dibuat melalui rundingan pra-perbicaraan/ Borang 28A (**Sila pilih yang mana berkaitan**) mengenai suatu pertuduhan/hukuman (**Sila pilih yang mana berkaitan**)

RUNDINGAN AKUAN KE ATAS PERTUDUHAN:

1. Adalah dipersetujui di antara OKT dan pihak pendakwaan bahawa pertuduhan asal terhadap OKT di bawah ___(peruntukan pertuduhan asal)___ dipinda kepada pertuduhan ___(peruntukan pertuduhan pindaan/alternatif)___.
2. OKT ingin mengaku salah ke atas pertuduhan ___(peruntukan pertuduhan pindaan/alternatif)___ dan faham sebab dan akibat pengakuan salah tersebut.

RUNDINGAN KE ATAS HUKUMAN:

1. Adalah dipersetujui di antara OKT dan pihak pendakwaan bahawa OKT mengaku salah atas pertuduhan di bawah ___(peruntukan pertuduhan)___ dan OKT layak untuk mendapat hukuman sepertimana di bawah peruntukan perenggan 172D (1)(c) Kanun Tatacara Jenayah.

Dipersetujui oleh:

Timbalan Pendakwa Raya: Peguambela OKT & Nama Firma: OKT:

Disahkan dan dimeterai oleh:

Hakim

LAMPIRAN D

Kepada YAA Hakim Besar Malaya/Sabah dan Sarawak/Pengarah Mahkamah Negeri (Sila pilih yang mana berkaitan)

Bahawasanya pada ___(tarikh rundingan akuan)___ Orang Kena Tuduh __ (nama OKT)___ di dalam kes ___(no kes)___ bersama-sama pihak pendakwaan ___(Nama Timbalan Pendakwa Raya)___ di Mahkamah ___(tempat)___ telah berusaha untuk mencapai suatu pelupusan kes yang memuaskan sepertimana mengikut peruntukan S.172C(7) .

Mahkamah dapati tiada pelupusan kes yang memuaskan dicapai di antara kedua-dua pihak Berdasarkan S.172C(8) KTJ, Mahkamah dengan ini memohon arahan kes tersebut untuk didengar oleh Hakim lain sepertimana yang diarahkan oleh YAA Hakim Besar Malaya/ Sabah dan Sarawak /Pengarah Mahkamah Negeri.

Kes tersebut telah ditetapkan sebutan pada __ (nyatakan tarikh sebutan mengikut para C (7) Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil./2012.

Disahkan oleh:

Hakim berkenaan.

ARAHAN

Saya dengan ini mengarahkan _____(nama Hakim yang telah dipilih)_____ untuk mendengar kes sepertimana butiran di atas sehingga kes tersebut selesai.

Sila berhubung terus dengan pihak pentadbiran Mahkamah di atas untuk sebarang urusan.

-t.t- oleh:

YAA Hakim Besar Malaya/ Sabah dan Sarawak/ Pengarah Mahkamah Negeri

s.k : **Hakim yang dilantik**